



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TUAN HAJI ISMAIL BIN
CHEMENGGUN PAKAR SENJATA KECIL PERTAMA DI ASIA BERKHIDMAT DI
KOR KEJURUTERAAN ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL
DI RAJA (REME)
PADA 1955 – 1970**

**OLEH:
MOHD KHAIRUL ASHRAF BIN HUSAIN (2012268498)
SHAFIQ BIN S BAHARUDDIN (2012669198)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IMR 604: DOKUMENTASI LISAN**

SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation (Sejarah Lisan), Puan Azura Bt Kamarudzzaman yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Tuan haji Ismail Bin Chemenggun, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan kepada anak-anak beliau yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian Terima Kasih...

ISI KANDUNGAN

PERKARA SURAT	MUKA
PENGHARGAAN	1
1.0 ABSTRAK	3
2.0 SINGKATAN	4
3.0 BIODATA PENULIS	5 – 6
4.0 PENGENALAN	
4.1 OBJEKTIF	7
4.2 KAEDAH KAJIAN	7
4.3 SEJARAH ARMY BOYS TRADE SCHOOL	8 – 11
4.4 REME	11 – 14
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA	15 – 98
6.0 LOG WAWANCARA	99 – 137
7.0 KRONOLOGI (DIARI)	138 – 142
8.0 BIODATA TOKOH	143
9.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	144 – 153
10.0 RALAT	154
11.0 SENARAI RUJUKAN	155
12.0 LAMPIRAN	156 – 174
13.0 INDEKS	175– 180

1.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Tuan Haji Ismail Bin Chemenggun Mengenai Orang Pertama Asia Terbabit Dalam Persenjataan Kecil

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tuan Haji Ismail Bin Chemenggun mengenai pembabitan beliau di dalam bidang persenjataan kecil semasa berkhidmat hampir 20 tahun di REME atau di kenali sebagai Royal Electrical Mechanical Engineering. Transkrip temubual ini telah di jalankan di rumah beliau yang beralamat Lot 17 Kg Melayu, Batu Arang, Selangor pada 22 november 2013 (Jumaat) bermula jam 3.15 petang sehingga 7.00 Malam. Beliau merupakan bekas ahli tentera Malaya British yang berkhidmat sebagai pakar persenjataan kecil dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang itu. Oleh kerana minat yang mendalam terhadap bidang ketenteraan hasil usaha beliauberjaya untuk menyertai sekolah ketenteraan pada tahun 1955. Di dalam transkrip ini, menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau serta pengalam beliau sepanjang menjadi seorang anggota tentera. Selain itu, temubual ini juga menyentuh mengenai cerita serba sedikit tentang misi-misi ketenteraan dan mengenai rejimen yang di sertai oleh Tuan Haji Ismail Bin Chemenggun.*

Kata kunci: *Persenjataan, Tuan Haji, Bidang, REME, Batu Arang, Pengalaman, Ketenteraan, Tentera, Pakar, Sekolah, Beliau,*

2.0 SINGKATAN

ABTS – ARMY BOYS TRADE SCHOOL

BALEP – BRITISH ARMY LOCALLY ENLISTED PERSONNEL

MINDEF –MINISTRY OF DEFENCE

RE – CORP OF ROYAL ENGINEERS

REME –ROYAL ELECTRICAL MECHANICAL ENGINEERING

RAOC – ROYAL ARMY ORDINANCE CORP

ROYAL SIGNAL – ROYAL CORP OF SIGNALS

SME –SYARIKAT MALAYSIA EXPLOSIVE

VM – VEHICAL MECHANICAL

MOR – MALAY OTHER RANK

BOR – BRITISH OTHER RANK

GSM – GENERAL SERVICES MEDAL

GPM – GENERAL PENINSULAR MEDAL

PJM – PINGAT JASA MALAYSIA

JLJM – JURUTERA LETRIK DAN JENTERA MALAYSIA

RAC – ROYAL ARMY CORE

RA – ROYAL ARTILLARY

RE – ROYAL ENGINEER

RAEC – ROYAL ARMY EDUCATION CORE